

Tema: ALAM SEKITAR
Topik: **Pencemaran Alam Sekitar**

LATIHAN KARANGAN 5

Tajuk karangan: **Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Pencemaran Alam Sekitar**

Baca karangan ini kemudian **isikan ruang 1 hingga 10** dengan pilihan perkataan atau rangkai kata yang paling sesuai dalam kotak di bawah ini.
Tekan jawapan yang paling tepat sahaja.

pembuangan sampah	tidak ditangani
kesan pencemaran kepada pantai	dikesan oleh pihak yang berkuasa
Selain itu, sisa buangan seperti minyak hitam	batu karang dan laut di negara kita akan musnah
sungai dan terusan	Hidupan laut akan pupus
Kegiatan pelancongan dan rekreasi di sepanjang pantai peranginan	Sementara itu, sampah sarap

Pencemaran di laut semakin menjadi-jadi. Masalah ini berlaku kerana perbuatan **1p**_____ **h** ke dalam laut suka **2d**_____ **a**. Jika perbuatan membuang sampah ke dalam laut ini **3t**_____ **i** sudah tentulah ekosistem **4b**_____ **h**.

5S_____ **m** juga berisiko tinggi terhadap hidupan laut. **6H**_____ **s** sekiranya keadaan seperti ini berlaku berterusan.

7S_____ **p** dari daratan yang dibawa ke laut melalui **8s**_____ **n** turut memberikan **9k**_____ **i** yang selama ini indah dan menjadi daya penarik pengunjung. Keadaan ini akan menyebabkan **10k**_____ **n** akan berkurangan.

Sila **isikan ruang 11 hingga 25** dengan pilihan perkataan atau rangkai kata yang paling sesuai dalam kotak di bawah ini. ***Tekan jawapan yang paling tepat sahaja***.

ekologi	sumber makanan	suhu setempat
penerokaan	kurang subur	terganggu
keseimbangan	pertanian	spesies
habitat	hakisan	tanah runtuh
haram	haiwan liar	kesan buruk

Kegiatan pembalakan yang tidak dirancang membawa **11k**_____k terhadap alam sekitar kerana kegiatan ini dapat memusnahkan **12h**_____t haiwan liar. Pembalakan **13h**_____m dan pembalakan yang tidak dikawal boleh menyebabkan kemusnahan **14e**_____i hutan yang boleh membawa kepada perubahan **15s**_____t.

Penebangan dan **16p**_____n hutan yang keterlaluan menyebabkan kepupusan **17s**_____s pokok serta dapat menyebabkan habitat haiwan liar **18t**_____u dan mengakibatkan kepupusan **19h**_____r seperti gajah, badak dan harimau. Hal ini kerana haiwan tersebut kehilangan kawasan habitat dan **20s**_____n.

Selain itu, kegiatan penebangan hutan untuk **21p**_____n juga akan menyebabkan permukaan tanah terdedah kepada **22h**_____n tanah dan **23t**_____h terutama apabila berlaku hujan lebat. Aktiviti pertanian yang dijalankan secara berterusan juga akan menyebabkan tanah menjadi **24k**_____r.

Oleh itu, jelaslah bahawa kegiatan pembalakan dan pertanian yang dilakukan tanpa kawalan akan menjejaskan **25k**_____n alam sekitar.